

122

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH : 8 Mac 2018

SOALAN :

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [ Sipitang]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang menyertai serta sudah membuat caruman menerusi PERKESO untuk Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang mula berkuat kuasa bulan Januari tahun ini dan berapa ramai pekerja diberhentikan sudah mendapat manfaatnya.

PR-1361-L04320

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan rekod sehingga 15 Februari 2018, bilangan majikan yang telah menyertai Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berjumlah 240,077 majikan yang melibatkan jumlah kutipan caruman sebanyak RM19,922,417.00.
2. Di bawah Sistem Insurans Pekerjaan ini, bagi melayakkan Orang Berinsurans (OB) mendapat faedah yang diperuntukkan, mereka mestilah memenuhi syarat kelayakan caruman mengikut tuntutan iaitu minimum 12 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan. Faedah-faedah tersebut akan boleh dibayar mulai 1 Januari 2019 iaitu pada tahun hadapan.
3. Walau bagaimanapun atas keprihatinan, kerajaan telah memperuntukkan geran permulaan berjumlah RM122 juta untuk bayaran bantuan interim RM600 sebulan selama tiga (3) bulan kepada semua pekerja yang layak sekiranya diberhentikan kerja mulai 1 Januari 2018 dan dibayar dalam tahun ini juga. Sehingga 9 Februari 2018, PERKESO telah menerima sebanyak 1,430 permohonan dan daripada jumlah tersebut, seramai 465 orang telah menerima bayaran bantuan interim bulan pertama yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM279,000.00.